

**UCAPAN ALU-ALUAN**  
**YBHG. PROFESOR DR. D KAMARUDIN D MUDIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

---

**PROGRAM TEMU DUGA TERBUKA SKIM LATIHAN 1MALAYSIA  
(SL1M) PERINGKAT NEGERI SABAH 2017**

**22 JULAI 2017 (SABTU) | 9.00 PAGI**  
**DATARAN DEWAN CANSELOR**

---

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan  
Salam Negaraku Malaysia.

SALUTASI

**Yang Berusaha Puan Hajah Norashikin Datuk  
Haji Ismail**

Ketua Sekretariat Skim Latihan 1Malaysia (SL1M),  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

- Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti
- Dif-dif jemputan, wakil-wakil syarikat
- Sahabat Media UMS
- Para graduan dan pencari kerja
- Para usahawan dan penggerai
- Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di sini pada hari ini untuk Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) Peringkat Negeri Sabah 2017.

Saya amat mengalu-alukan kedatangan pihak SL1M dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menganjurkan program karnival kerjaya yang berlangsung selama dua hari bermula pada hari ini.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kerana sekali lagi telah memilih UMS sebagai lokasi kelima bagi program *outreach* SL1M untuk tahun 2017.

Ribuan terima kasih dan tahniah juga saya tujukan kepada warga UMS yang telah sama-sama menggembangkan tenaga dan memberi komitmen yang penuh bagi memastikan program ini berjalan lancar sebagaimana yang telah dirancang.

**Hadirlin Hadirat yang saya hormati sekalian,**

## (PENCAPAIAN SL1M)

Suka saya kongsikan di sini bahawa SL1M telah berjaya mengubah hidup lebih daripada 120,000 orang graduan muda sejak ia ditubuhkan pada bulan Jun 2011. Alhamdulillah, sebanyak 1,407 orang daripada mereka adalah anak-anak Sabah sendiri. SL1M bukan sahaja diterima baik di dalam negara, malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Saya dimaklumkan baru-baru ini SL1M telah dijemput untuk menjadi wakil tunggal Malaysia di United Nation Public Services Forum 2017 yang telah diadakan di The Hague, Belanda pada 22 dan 23 Jun lalu bagi membentangkan tajuk *Job Creation and Prosperity*. Bagi kebanyakan negara, usaha menarik perhatian pihak swasta bekerjasama dengan kerajaan adalah sangat mencabar tetapi Malaysia mampu melaksanakannya dengan baik sekali.

Delegasi dari negara lain termasuklah Netherland, Oman, Sri Lanka dan Columbia telah menunjukkan minat yang mendalam berkenaan konsep dan pelaksanaan program SL1M.

**Hadirlin dan Hadirat sekalian,**

Untuk makluman, program SL1M pada hari ini melibatkan penyertaan dari 43 buah syarikat yang terdiri daripada syarikat-syarikat GLC dan swasta dari Semenanjung serta syarikat-syarikat swasta dari negeri Sabah sendiri. Terdapat lebih daripada 5,000 peluang pekerjaan dan latihan ditawarkan untuk semua tahap kelulusan. Antara syarikat yang terlibat adalah Maybank, UEM Group, Astro, Petronas, Top Glove dan banyak lagi.

Saya percaya, kolaborasi UMS bersama SL1M bagi penganjuran Program Temu Duga Terbuka SL1M Peringkat Negeri Sabah 2017 akan banyak memberikan manfaat khususnya kepada graduan UMS dan anak-anak negeri amnya. Selama dua hari penganjuran, graduan akan didedahkan tentang SL1M, pendedahan awal berkenaan peluang-peluang kerjaya yang ada di pasaran pada hari ini yang perlu mereka rebut terutamanya setelah tamat belajar nanti serta peluang untuk pelajar UMS terlibat secara langsung dalam

penganjuran *outreach* dan belajar sedikit sebanyak mengenai *event management*.

## **Hadirlin dan Hadirat sekalian**

### (PENUTUP)

Selama dua hari penganjuran SL1M ini, para graduan, pelajar tahun akhir dan pencari kerja, gunakan tempoh masa ini untuk menjalani temu duga dengan puluhan majikan yang terlibat.

Jangan takut untuk membuat penghijrahan kerana hijrah akan mematangkan fikiran dan menyuburkan pengetahuan. Yakinkan diri, kuatkan semangat dan tonjolkan kelebihan yang ada pada diri untuk berdepan dengan majikan semasa temu duga. Ruang dan peluang yang disediakan, haruslah dimanfaatkan sebaik mungkin untuk merubah kehidupan pada masa depan.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta seluruh warga kerja yang terlibat menjayakan program SL1M pada hari ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Sekian dan terima kasih.